

14 OCT 2003

Mahathir-Islam

NEGARA ISLAM BOLEH KEJAR KEMAJUAN - DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 14 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan keyakinan bahawa negara-negara Islam boleh mengejar kemajuan yang dicapai negara maju bukan Islam dalam sektor perindustrian.

"Saya yakin dunia Islam boleh melakukan apa yang berjaya dilakukan orang lain," katanya semasa merasmikan Ekspo OIC 2003 di tapak bersebelahan Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), tempat berlangsungnya Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di sini.

Ekspo enam hari itu, yang menarik lebih daripada 600 syarikat, termasuk dari Perancis, China, Taiwan dan Korea Selatan, diadakan sempena sidang kemuncak OIC itu.

Dr Mahathir yang akan mempengerusikan sidang kemuncak 57 negara anggota itu, berkata umat Islam hari ini jauh ketinggalan dari segi keupayaan perindustrian.

Ini kerana mereka tercicir langsung daripada revolusi perindustrian dan pada satu ketika mereka malahan menolak industri sebagai sesuatu yang tidak Islam, katanya.

"Jika kita tidak terhalang oleh interpretasi salah seperti itu, hari ini kita boleh maju seperti orang lain juga."

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata tidak guna bagi orang Islam untuk menyesal kini sebaliknya harus berusaha mengejar kemajuan, kerana mereka juga sama bijak seperti orang lain.

Dr Mahathir berkata negara Islam sebenarnya mempunyai cerdik pandai yang berjaya dalam sektor perindustrian bagaimanapun mereka kehilangan kumpulan ini kepada negara bukan Islam yang sanggup membayar gaji tinggi dan menyediakan kemudahan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang canggih.

"Jadi kita ketinggalan di belakang sedangkan kita mempunyai orang yang boleh menyumbang ke arah peningkatan kemajuan kita," katanya.

Mengenai ekspo itu, Dr Mahathir berharap ia boleh menjadi platform bagi apa yang telah dilakukan dan boleh dilakukan oleh negara Islam.

Ekspo itu, katanya, mencerminkan keupayaan negara dan umat Islam serta meyakinkan masyarakat Islam bahawa mereka bukannya golongan kelas kedua dalam apa jua segi.

"Kita boleh lakukan apa yang orang lain boleh buat. Apabila kita mempunyai keyakinan dan kita mencubanya, saya pasti kita tidak akan tercicir di belakang," kata Perdana Menteri.

Melalui cara ini, beliau berkata umat Islam akan berupaya menegakkan agama dan memajukan ummah.

Dr Mahathir berkata banyak yang perlu dipelajari dari segi bagaimana Islam berkembang di gugusan kepulauan Melayu oleh pedagang Arab dan India Islam.

Islam datang ke Malaysia bukan melalui penaklukan tentera tetapi para pedagang ini, yang bukan hanya berpengetahuan, juga berupaya meyakinkan mengenai nilai kebaikan Islam, katanya.

Perdana Menteri berkata pegangan teguh mereka terhadap agama, kekayaan dan kejayaan mereka, menarik perhatian orang Melayu dan Raja-raja mereka yang akhirnya memeluk Islam.

Para pedagang ini telah menunjukkan bahawa Islam bukan hanya semata-mata mengenai agama tetapi juga merangkumi kegiatan perdagangan dan ekonomi, katanya.

-- BERNAMA

MAD MAM MKO RON